

Pesta Konvo USIM dijangka tarik 20,000 pelawat

SEREMBAN 7 Nov. - Jalanan kerjasama antara Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan Kumpulan Utusan bagi menganjurkan Pesta Konvokesyen USIM Ke-10 yang masuk siri kedua dijangkakan mampu menarik kehadiran mencecah 20,000 pengunjung.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni USIM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah berkata, kerjasama antara dua pihak ini diyakini dapat menarik pengunjung bukan sahaja dalam kalangan warga universiti malah daripada orang ramai dari sekitar kawasan berhampiran sekali gus memeriahkan sambutan program berkenaan.

“Pelbagai program serta aktiviti menarik disediakan khusus kepada para pengunjung ke pesta yang bakal diadakan selama empat hari bertempat di Kompleks Sukan Tunku



22-25 November 2012

Tapak Pesta Konvo USIM 10 pagi - 10 malam

Najihah USIM bermula 22 hingga 25 November ini.

“Jalanan kerjasama antara Kumpulan Utusan ini secara tidak langsung membuktikan kematangan USIM dalam usaha memperkenalkan universiti ini di mata masyarakat melalui media arus perdana,” katanya ketika berucap pada Majlis Pra Pelancaran Pesta Konvokesyen USIM Ke-10 di USIM, Nilai dekat sini hari ini.

Turut hadir, Penolong Ketua Pengarang 1 Kumpulan Utusan, Datuk Zaini Hassan; Pengarang Utusan Malaysia, Hassan Mohd. Noor dan Pengurus Pemasaran Wilayah Tengah Utusan Melayu (M) Berhad, Rosman Zulkifli.

Mohamed Asin berkata, menerusi publisiti yang diberikan oleh Kumpulan Utusan, ia akan membantu meningkatkan lagi kehadiran pengunjung ke program tersebut seperti tahun lalu.

Sementara itu, Zaini dalam ucapannya berkata, Kumpulan Utusan amat berterima kasih dan menghargai usaha serta kepercayaan USIM untuk meneruskan jalinan kerjasama antara pihaknya bagi menjayakan pesta tersebut.



ZAINI Hassan (kanan) bersama Mohamed Asin Dollah (tengah) dan Hassan Md. Noor melepaskan ikan patin ke dalam tasik pada Majlis Pra Pelancaran Pesta Konvokesyen USIM Ke-10 di Nilai dekat Seremban, semalam. - UTUSAN/ABD. RAZAK AID